

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/1992

Mac/April 1992

BZT 492/3: BIOLOGI PROTOZOA & HELMINTH

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BZT 492/3)

1. Huraikan kitar hidup *Plasmodium falciparum* atau *Entamoeba histolytica* dengan bantuan gambarajah. Apakah patologi dan simptom yang dijumpai dalam jangkitan parasit yang dipilih?

(20 markah)

2. Tuliskan nota pendek tentang dua daripada tajuk berikut:
 - (a) Jenis morfologi dalam haiwan flagelat daripada famili Trypanosomatidae.
 - (b) Jenis rawatan drug untuk jangkitan malaria
 - (c) Kitar hidup satu spesies *Leishmania* yang jangkitkan manusia.

(20 markah)

3. Apakah ciri-ciri morfologi khas yang terdapat pada cacing pita manusia yang boleh digunakan untuk diagnosis jangkitan?

(20 markah)

4. (a) Huraikan secara am kitar hidup cacing Trematoda.
(b) Cadangkan langkah-langkah yang dapat memutuskan kitar hidup cacing ini.

(20 markah)

(BZT 492/3)

5. Bincangkan penyakit filariasis di Malaysia dari segi agen parasit terlibat, nyamuk vektor, patologi dan simptom penyakit.

(20 markah)

6. (i) Secara ringkas, huraikan tatacara makmal untuk diagnosis cacing usus manusia.
- (ii) Sekiranya satu tinjauan tinja untuk cacing usus dijalankan di negara Malaysia, apakah spesies cacing Nematoda yang mungkin ditemui? Apakah ciri-ciri telur mereka?

(20 markah)

-ooo0ooo-